

14 JUN 1996

Ali-Kapal

AGEN PERKAPALAN PERLU PERKENALKAN KEMUDAHAN DI MALAYSIA

PELABUHAN KLANG, 14 Jun (Bernama) -- Agen-agen perkapalan perlu berperanan lebih besar dalam memperkenalkan pelbagai kemudahan yang terdapat di pelabuhan-pelabuhan di negara ini untuk menarik ketibaan lebih banyak kapal dan memaksimumkan kegunaan pelabuhan Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Wira Mohamed Ali Rustam berkata, peranan agen-agen perkapalan penting ke arah menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan utama di rantau ini.

"Saya sukacitalah meminta jasa baik mereka dalam hal ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan pelayaran terus kapal Cheng Tu milik New Guinea Pacific Lines (NGPL) dari sini ke Papua New Guinea, Kepulauan Solomon dan Australia Utara, hari ini.

Beliau berkata setakat ini 10 buah syarikat perkapalan utama antarabangsa telah memulakan khidmat pelayaran terus dari Pelabuhan Klang ke pelbagai destinasi di serata dunia termasuk Amerika Syarikat (AS) dan Eropah.

Pelayaran terus NGPL yang berpejabat di Sydney, Australia dari Malaysia didorong oleh pertambahan jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Papua New Guinea dan juga Australia Utara, katanya.

Mohamed Ali berkata ini terbukti dengan jumlah 65 buah syarikat Malaysia yang sudah beroperasi di negara itu dengan pelaburan berjumlah kira-kira RM1,280 juta dalam pelbagai kegiatan seperti perhutanan, pembangunan harta, pemerosesan makanan, tekstil dan kewangan.

"Penglibatan syarikat Malaysia ini menyumbang secara positif kepada perkembangan industri perkapalan," katanya, sambil mengucapkan syabas kepada Boustead Shipping, agen NGPL di Malaysia yang telah menarik kunjungan Cheng Tu.

NGPL menyediakan tiga buah kapal termasuk Cheng Tu yang masing-masing mempunyai kapasiti 726 TEUs untuk perkhidmatan pelayaran terus itu dan akan meningkatkan jumlah ketibaan kepada dua kali sebulan mulai bulan depan.

"Usaha NGPL ini selaras dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Pelabuhan Klang pelabuhan utama di rantau ini," katanya.

Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang, Datuk Micheal Chen dan Pengarah Urusan Klang Port Management Encik Halim Harun hadir pada majlis itu yang berlangsung di atas kapal Cheng Tu. -- BERNAMA

MNY PR